

13/04/1997

Muhammad letak jawatan (HL)

Faizal Fadzil; Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta dari Australia, meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor, berkuatkuasa Isnin ini.

Mengumumkan perkara itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Muhammad turut melepaskan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam, Perdana Menteri berkata, Muhammad membuat keputusan berkenaan selepas mendengar pandangan semua ahli MT.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, MT tidak membuat keputusan mengenai kedudukan Muhammad sebagai Naib Presiden parti, sebaliknya perkara itu akan diumumkan Muhammad sendiri Isnin ini.

Muhammad akan mengadakan sidang akhbar esok bagi mengumumkan secara rasmi peletakan jawatannya itu.

Dr Mahathir juga berkata, MT tidak membuat keputusan berhubung pengganti Muhammad, sebaliknya perkara itu akan dirundingkan kemudian.

Perdana Menteri berkata, keputusan peletakan jawatan itu dibuat atas kehendak Muhammad sendiri bagi mengelakkan sebarang laporan mengenai dakwaan ke atas dirinya dikaitkan dengan Umno demi menjaga imej parti.

"MT menerima keputusan Muhammad itu yang dibuatnya dengan kehendak dirinya sendiri supaya sebarang siasatan tidak akan mencemarkan nama Umno.

"Terpulanglah sama ada ia didapati bersalah atau tidak, barulah kita akan mempertimbangkan kedudukannya dalam parti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat hampir tiga jam itu.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Muhammad dan seorang lagi Naib Presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, turut hadir dalam sidang akhbar itu.

Seorang lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, tidak hadir kerana berada di luar negara.

Muhammad, 51, yang didakwa cuba membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta (A\$1.2 juta) dari Australia pada 22 Disember lalu, akan menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat perisytiharan palsu apabila beliau hadir di mahkamah di Brisbane Ogos ini.

Dakwaan membuat perisytiharan palsu itu dibuat mengikut Seksyen 29 (3) Akta Laporan Urusniaga Kewangan Australia.

Mengikut akta itu, Muhammad boleh didenda sejumlah RM20,000 (A\$10,000) atau penjara sehingga dua tahun jika sabit kesalahan membawa wang itu.

Bagi tuduhan berhubung membuat perisytiharan palsu, beliau boleh dijatuhi hukuman maksimum penjara lima tahun.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) juga dihantar ke Australia untuk menyiasat tuduhan rasuah dan pemilikan harta terhadap Muhammad berhubung sumber wang RM2.4 juta itu.

Dr Mahathir berkata, dakwaan terhadap Muhammad mempunyai kesan terhadap parti. "Kita prihatin dengan parti Umno. Pasal dia bertanggungjawab, hak dia untuk buat keputusan. Ahli parti tidak harus memburukkan nama parti dengan membuat sesuatu yang mungkin menimbulkan sangkaan buruk kepada parti," katanya.

Dr Mahathir juga menolak anggapan kononnya keputusan Muhammad itu dibuat berikutan tekanan parti pembangkang.

"Siapa peduli pembangkang. Seolah-olah kita ini tak bertanggungjawab.

Takkan tunggu pembangkang aje.

"Kalau gitu, pembangkanglah yang buat Malaysia ini berjaya ... kerana tekanan pembangkang supaya kerajaan bekerja untuk memajukan Malaysia. Sebenarnya yang berkesan ialah Kit Siang (Setiausaha Agung DAP) dengan Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan). Saya tak ada buat apa-apapun ...," katanya.

Mengenai kemungkinan Muhammad dilantik semula jawatan dalam parti, Dr Mahathir berkata: "Jika didapati tidak bersalah. Orang tak salah takkan kita nak kena hukum dia."

Ditanya sama ada keputusan meletak jawatan itu menunjukkan pengakuan bersalah, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada itu adalah satu pengakuan bersalah.

"Tetapi keputusannya bertujuan untuk tidak mengaitkan dirinya dengan Umno. Sebarang siasatan bukan siasatan terhadap Umno tetapi terhadap dirinya," katanya.

Menjawab soalan sama ada majoriti anggota MT mahu Muhammad meletak jawatan, Dr Mahathir berkata: "Saya tak kata apa pun tentang itu. Sebab itu saya kata orang bagi pandangan dan terpulang kepada penilaian tubuh badan orang itu."

Ditanya mengapa Muhammad tidak diminta berehat sementara sebagaimana pilihan yang dikemukakan kepada bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, sebelum ini, Dr Mahathir berkata, Abdul Rahim juga meletak jawatan.

Dr Mahathir berkata, Muhammad juga berhak membuat keputusan itu.

(END)